



KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT

Buku Kau Sembah Apa? Berdialog dengan Non-Muslim

Pada bulan Februari 2016, PTS Media Group menerbitkan sebuah buku perbandingan agama yang ditulis oleh Tuan Ahmad Iqram Mohamad Noor atau nama penanya, Muhammad Takashi Maeno. Penulis berpengalaman dalam kajian lapangan dan perpustakaan terutama dalam perbandingan agama dan ajaran sesat. Sekarang ini, beliau memilih bagi menguasai sebanyak mungkin bahasa terutama English, Arab, Tamil, Mandarin, Korea, dan Jepun.

Buku *Kau Sembah Apa? Berdialog dengan Non-Muslim* ini memberi pendekatan dakwah dengan cara memahami Non Muslim. Ia tidak bersifat menyerang seperti buku-buku lain. Selain itu, buku ini meraikan konsep kebebasan beragama di samping memiliki tanggungjawab berdakwah. Ia juga tampil bagi menjernihkan salah faham yang sering berlaku kepada Non Muslim di Malaysia. Penulis membawa skop penulisan yang bersifat harmoni. Buku ini dibahagikan kepada 8 bab. Setiap bab menerangkan tentang agama-agama yang ada di Malaysia, iaitu agama Islam, Hindu, Tao, Sikh, Kristian, dan Buddha. Ia termasuk sejarah kedatangan agama itu, pengasasnya, isu-isu yang timbul, salah faham, perkembangan ajarannya, perbezaan dengan agama-agama lain, dan sebagainya.

Apa yang menariknya, buku ini ringkas, tetapi menyentuh keseluruhan aspek yang diperlukan pembaca mengenai agama di Malaysia. Disertakan juga perbincangan sensitiviti agama yang jarang disentuh. Antara buku-buku rujukan yang digunakan adalah *Atlas Agama-Agama, Dari Adam Sampai Muhammad*, *Agama-Agama Besar Masakini* (Indonesia), dan *Agama-Agama Dunia*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my